

1103/2  
BAHASA MELAYU  
KERTAS 2  
MASA 2 ½ JAM  
JAN 2022



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

**LATIH TUBI SPM 2021**

---

---

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 2  
DUA JAM TIGA PULUH MINIT**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian. Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan bagi **soalan 8** berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Latih tubi SPM ini mengandungi 11 halaman bercetak

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

[35 Markah]

[Masa dicadangkan : 45 Minit]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata adjektif. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Insiden yang menimpa enam anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) membekas episod sedih terhadap orang ramai. Lebih memilukan apabila pahlawan masyarakat ini terkorban dalam misi murni mereka untuk menyelamatkan mangsa lemas. Untuk makluman umum, insiden lemas di arus deras, terutamanya di kawasan empangan buatan atau pintu air ialah kemalangan yang banyak meragut nyawa di seluruh dunia. Hal ini disebabkan oleh kawasan yang kelihatan tenang dan tidak berbahaya ini memiliki putaran air atau hidraulik yang amat berkuasa dan mampu memerangkap perenang yang handal sekalipun.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Tujuh kaedah kurangkan tragedi di air  
oleh Prof Madya Dr Md Amin Md Taff  
*Berita Harian Online*, 6 Oktober 2019

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi ayat-ayat yang bergaris.*

Subjek : \_\_\_\_\_  
Predikat : \_\_\_\_\_

Permata dan wanita memang tidak dapat dipisahkan umpama irama dan lagu. Setiap butir permata itu mempunyai nilai estetikanya yang dapat dilihat daripada rupa bentuknya yang indah dan menawan. Selain permata, ada juga penggemar emas walaupun harganya kini melambung tinggi. Kedai emas dan permata menjadi kunjungan wajib bagi mereka yang suka akan perhiasan mewah dan beraneka corak. Tidak dapat disangkal lagi, emas perhiasan yang dibeli oleh wanita atau sesiapa jua merupakan aset terpenting dan pelaburan pada masa hadapan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Kilauan Manikam  
oleh Habibah Hj. Jamil  
*Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019*

[6 markah]

- 3 *Petikan-petikan di bawah mengandungi beberapa kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut semula.*

Petikan 1

Ibu sangat sibuk pada hari ini. Kesibukkan ibu berada di dapur untuk menyiapkan juadah kenduri. Ibu memasak pelbagai kuih-muih untuk tetamu yang akan hadir pada malam ini. Ibu juga menyediakan masakan ayam kari dan ikan siakap tiga rasa. Abang turut membantu ibu memasak. Antara juadah yang abang masak ialah sotong goreng. Kenduri pada malam ini merupakan kenduri kesyukuran kerana kakak telah dapat keputusan cermelang dalam SPM.

[6 markah]

Petikan 2

Kehadiran Menteri Pendidikan Malaysia ke Sekolah Menengah Sains Kepala Batas disambut dengan paling meriah sekali oleh warga sekolah. Semasa bertitah, beliau menasihatkan murid-murid agar cermat memanfaatkan segala kemudahan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan bagi meningkatkan prestasi mereka. Mereka di seru agar terus gigih menuntut ilmu demi untuk memenuhi aspirasi negara.

[5 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatliah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihian seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, "Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara."

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada  
dalam *Antologi Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]



- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua** peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian beri peribahasa lain yang **sama maksud** atau **hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.



Bukit sama didaki lurah sama dituruni. Itulah yang menjadi pegangan kami dalam ekspedisi ini. Apakan daya, malang tidak berbau. Ketua kumpulan yang terpaksa menghentikan pendakian telah menyebabkan kami seperti anak ayam kehilangan ibu.

[4 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

[35 Markah]

[Masa dicadangkan : 60 minit]

- 6 Baca bahan-bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam tempoh tiga dekad setengah yang lalu, negara kita telah mencapai kemajuan pesat dalam berbagai-bagai bidang. Keadaan sosioekonomi rakyat, kemudahan perubatan dan kesihatan, tahap pendidikan serta sistem perhubungan semakin baik. Ternyata, inilah nikmat kemerdekaan yang kita kecapai.

Saya masih dapat membayangkan kanak-kanak dahulu menderita akibat penyakit differia, batuk kokol dan tibi serta meningitis manakala orang dewasa pula berpenyakit malaria, taun, puru dan untut. Semua ini berlaku sebelum negara kita bebas daripada cengkaman penjajah apatah lagi tahap kesedaran penjagaan kesihatan masyarakat yang rendah. Kebanyakan penyakit itu berpunca daripada keadaan sosioekonomi rakyat yang berada pada paras kemiskinan dan ketiadaan kemudahan kesihatan yang memuaskan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Ucapan Masyarakat Mula Hargai  
Kesihatan'  
*Berita Harian Online*, Ogos 2019

**Bahan 2**

Kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan prasarana kemudahan kesihatan semakin membangun disebabkan saban tahun aspek kesihatan menjadi dimensi penting dalam proses pembangunan negara. Sebagai bukti, pelbagai rancangan kesihatan turut disenaraikan dalam setiap agenda pembangunan dan belanjawan negara.

Perkhidmatan perubatan dan kesihatan negara, kini boleh dibanggakan dan telah mendapat pujian daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Tabung Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pula telah memberikan pujian terhadap kejayaan kita dalam kedua-dua bidang ini. Melalui program imunisasi kebangsaan, KKM telah *berjaya mengawal* penyakit yang digolongkan sebagai pembunuh utama kanak-kanak.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Berita Harian Online*, Ogos 2019

- i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *berjaya mengawal*.  
[2 markah]
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan tahap kesihatan rakyat Malaysia dahulu dengan sekarang.  
[3 markah]
- iii. Penjagaan kesihatan dan pemakanan seimbang seharusnya bermula dari rumah. Seluruh ahli keluarga perlu mempraktikkan amalan ini sejak kecil lagi.  
Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil oleh seluruh ahli keluarga dalam usaha menjaga kesihatan?  
[3 markah]
- iv. Rakan baik anda menghadapi kenaikan berat badan yang mendadak selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu. Rakan anda cuba berdiet tetapi tidak berhasil.  
Sebagai sahabat yang prihatin, anda berhasrat untuk membantunya. Jelaskan tindakan yang boleh anda lakukan.  
[4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### **Bahan 1**

#### **Bahasa Jiwa Bangsa**

Ikut jerami muat ke kandar,  
Selepas makan mandi di telaga;  
*Ucap difahami* prasangka terhindar,  
Bahasa kebangsaan penyatu warga.

Batang halban dibawa ke huma,  
Hendak dirikan sebuah taman;  
Bahasa kebangsaan milik bersama,  
Kita ungkapkan sepanjang zaman.

Terbang tempua ke semak berduri,  
Singgah sekali di pohon rumbia;  
Bahasa kita lambang jati diri,  
Tidak rugi berbahasa Malaysia.

Berbanjar cemara di tanah rata,  
Tempat teduhan sekumpulan murai;  
Segar dan mesra bahasa kita,  
Anugerah warisan usah terburai.

Suhaimi Mohd Salleh  
dalam [www.suhaimi.com](http://www.suhaimi.com)

[Lihat halaman sebelah



**Bahan 2**

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelut globalisasi dalam menuju arus perdana. “Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang!”

“Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah warga kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Dipetik daripada cerpen Munsyi  
oleh Husna Nazri  
dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *ucap difahami*.  
[2 markah]
- ii. Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan kepentingan bahasa kebangsaan kepada rakyat.  
[4 markah]
- iii. Dalam **Bahan 2**, generasi muda kini semakin lalai dengan pengaruh dunia luar yang memberi kesan kepada akhlak.  
Sebagai seorang remaja, apakah nilai yang perlu diterapkan dalam diri agar anda tidak terpengaruh dengan dunia luar?  
[4 markah]
- iv. Anda kerap kali mendengar rakan-rakan anda bersembang menggunakan bahasa rojak sehingga menjejaskan pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu. Sebagai seorang yang pencinta bahasa, anda berasa sedih dengan keadaan tersebut.  
Cadangkan langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk mengatasi masalah ini?  
[3 markah]



- 8 (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Embong!”

Doa Dahlia terputus apabila mendengar teriakan itu. Itu suara Nek Kiah ibu kepada emaknya. Apa lagi yang dikehendaki oleh nenek? Memaki hamun mencari kekurangan di rumah ini?

“Embong! kau tak bagi aku naik?”

Dahlia mengetap bibir. Apa lagi yang dikehendaki nenek? Detik hatinya. Telekung yang menyelubungi tubuhnya dibuka, kemudian disangkut dipaku yang tercacak di dinding. Dia mengganti kain pelikat dengan kain basahan. Setelah mengikat rambut, dia keluar dari bilik.

Dari pintu tengah, Nek Kiah termengah-mengah naik.

Dipetik daripada novel *Songket Berbenang Emas*  
oleh Khairuddin b Ayip  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan tindakan yang dilakukan oleh Dahlia apabila mendengar suara neneknya.

(4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, jelaskan **dua peristiwa** yang dapat dikaitkan dengan kasih sayang antara watak.

[6 markah]

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**

[30 Markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan. kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

**Bahan 1**

Penipuan sindiket siber dilihat semakin membimbangkan. Saban hari semakin kerap media melaporkan mengenai kes individu yang ditipu oleh penjenayah siber. Walaupun secara keseluruhannya kes jenayah semakin turun, kes jenayah indeks siber pula semakin membimbangkan. Hal ini demikian kerana, sudah menjadi lumrah dunia akhir zaman apabila masyarakat gemar memaparkan kehidupan peribadi mereka kepada umum menggunakan aplikasi media sosial menerusi teknologi dan gajet yang sedia ada sehingga menjadi sasaran penjenayah siber. Kes jenayah siber membabitkan empat kesalahan iaitu jenayah telekomunikasi, *love scam*, *e-financial fraud* dan e-dagang atau belian dalam talian. Oleh itu, sudah tiba masanya pihak berkuasa memperhebat literasi keselamatan siber bagi memerangi jenayah siber yang membabitkan rakyat negara ini sehingga menelan kerugian ratusan juta ringgit. Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020-2024 (MCSS) pula telah bersetuju supaya pihak berkuasa perlu memperketat undang-undang siber yang lebih tegas untuk menggentarkan penjenayah siber.

Sikap tamak segelintir mangsa mengharapkan keuntungan segera kerana wujud sindiket pelaburan menggunakan taktik *phishing*, dengan menghasilkan laman web palsu yang menyerupai laman web perbankan sebenar bagi menunjukkan mangsa menerima wang yang dijanjikan. Ada juga mangsa tidak mahu buat laporan polis kerana malu selain jumlah kerugian dianggap kecil. Oleh itu, pihak berkuasa perlu menyedarkan masyarakat awam supaya terus melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya menjadi mangsa jenayah siber. Dalam pada itu, sekiranya mendapat panggilan daripada nombor asing dan kemudian mereka memperkenalkan diri daripada agensi utama negara seperti mahkamah, balai polis mahupun bank negara, segera matikan perbualan dan terus membuat laporan ke balai polis berdekatan. Sikap orang ramai yang mudah percaya dengan tawaran pembelian pada harga tidak munasabah susulan kebergantungan pembelian dalam talian semasa pandemik COVID-19 menyebabkan kerugian jutaan ringgit. Oleh itu, setiap individu perlu memainkan peranan untuk membanteras kes-kes jenayah siber semakin berleluasa pada zaman dunia tanpa sempadan ini.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana  
'Jenayah Siber, Sejauh manakah mengatasinya?'  
Oleh Nazura Abdul Manap,  
Malayan Law Journal, April 2020.

## Bahan 2

### LAGU ERA SIBER

Siber dan IT melengkapi zaman  
Untuk kemudahan dan kemakmuran  
Namun telah disalahgunakan  
Hingga pendidikan dan etika diperkenalkan  
Agar warga beroleh kesedaran.

Jenayah siber kian membarah  
Pemimpin dan rakyat bersatu arah  
Kempen kesedaran untuk mengubah  
Hingga penjenayah dihukum bersalah

Siber membangun harus diawasi  
Antivirus dipasang pada peranti  
Kerana alpa kita yang rugi  
Ayuh bersama kita perangi  
Demi generasi yang bakal mewarisi

Akal diguna untuk mencipta  
Agar hidup lebih sempurna  
Akal diguna untuk berwaspada  
Agar warga tidak lagi menjadi mangsa

Lagu oleh  
<http://myfatihab.blogspot.com/>

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**